



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***NILAI PENDIDIKAN DALAM KISAH 25 RASUL UNTUK MENDIDIK  
KANAK-KANAK BERDASARKAN PENDEKATAN ISLAM***

**MIOR MUHAMMAD SAIFUL NIZAN BIN MOHD SAALI**

**FBMK 2014 53**



**NILAI PENDIDIKAN DALAM KISAH 25 RASUL UNTUK MENDIDIK  
KANAK-KANAK BERDASARKAN PENDEKATAN ISLAM**

Oleh

**MIOR MUHAMMAD SAIFUL NIZAN BIN MOHD SAALI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Disember 2014**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo , ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

### **Buat ayahanda ...**

Yang tidak pernah lekang berdoa untuk kejayaan anakandanya.

Sanggup bersusah payah demi kesenanganku,

memberi semangat ketika diri ini lesu...

Terima kasih Ayah.

### **Buat bondaku ...**

Yang tidak pernah jemu mengajar erti kehidupan dan  
merestui perjuanganku.

Jerit perihmu bersama kepayahan

Kujadikan pendorong untuk kejayaan ini.

Terima kasih Mak.

### **Buat guru-guru ...**

Guru-guruku ketahuilah jasa dan pengorbanan mu  
menitiskan ilmu tanpa jemu kepada  
anak bangsa sungguh suci.

Kalian banyak membantuku semasa menerokai ilmu.

Semua itu amat bermakna buat ku... Terima kasih

### **Buat abang, kakak dan kawan-kawan ...**

Terima kasih atas sokongan dan dorongan kalian

Terimalah kebahagiaan ini sebagai tanda

sucinya kasihku kepada kalian.

Yang pastinya, bakti suci kalian tidak dapat kubalas

walau dengan air mata darah sekalipun.

### **Buat semua...**

**TERIMA KASIH KUUCAPKAN !!**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**NILAI PENDIDIKAN DALAM KISAH 25 RASUL UNTUK MENDIDIK  
KANAK-KANAK BERDASARKAN PENDEKATAN ISLAM**

Oleh

**MIOR MUHAMMAD SAIFUL NIZAN BIN MOHD SAALI**

**Disember 2014**

**Pengerusi : Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini merupakan satu kajian kesusasteraan kanak-kanak yang membicarakan tentang Nilai Pendidikan Dalam Kisah 25 Rasul Untuk Mendidik Kanak-Kanak Berdasarkan Pendekatan Islam. Dalam kajian ini, terdapat dua objektif utama iaitu pertama, mengenal pasti nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam Kisah 25 Rasul Untuk kanak-kanak. Kedua, mengkategorikan nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam Kisah 25 Rasul untuk kanak-kanak berdasarkan pendekatan Islam. Bagi untuk mencapai objektif kajian, Pendekatan pendidikan kanak-kanak dalam Islam yang dikemukakan oleh Dr Abdullah Nasih Ulwan (1996) digunakan. Melalui pendekatan ini, nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam *Kisah 25 Rasul Untuk Adik-Adik* dianalisis daripada tujuh aspek iaitu i. Pendidikan iman, ii. Pendidikan akhlak, iii. Pendidikan fizikal, iv. Pendidikan intelektual, v. Pendidikan psikologi, vi. Pendidikan sosial dan vii. Pendidikan seksual. Dapatan kajian mendapati *Kisah 25 Rasul Untuk Adik-Adik* menepati pendekatan yang digunakan kerana mengandungi tujuh nilai-nilai pendidikan yang digariskan dalam pendidikan kanak-kanak dalam Islam. Kesimpulannya, kisah ini sesuai digunakan sebagai satu wadah penyampaian yang berkesan kepada kanak-kanak terutamanya dalam mendidik mereka ke arah memahami nilai-nilai murni yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan berlandaskan acuan Islam.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**VALUE OF EDUCATION IN THE STORY OF THE 25 MESSENGERS  
FOR EDUCATE CHILDREN BASED ON ISLAMIC APPROACH**

**By**

**MIOR MUHAMMAD SAIFUL NIZAN BIN MOHD SAALI**

**December 2014**

**Chairperson : Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, PhD**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study were one literature study children who discussing on Values Of Education In 25 Stories Of The Prophets Based on Islamic Approach. Hence, this study are going over and identify value of education and categorize the value according on Islamic children approach. The analysis of the book is grounded by the theoretical framework of children education in Islam by the renown Ulama, Dr Abdullah Nasih Ulwan. Based on this framework, the book is analyzed based on seven aspects namely education of Iman, education of Akhlak (Islamic conduct and manners), education in Aqidah, education in intellectual, education in psychology, sexual and physical. The conclusions , it is found that this story of 25 Messengers is able to be an effective medium in delivering Islamic moral values in guiding one towards the life with Islamic orientation.

## PENGHARGAAN

Sebagai pembuka bicara saya lafazkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan, kerana dengan keizinnannya, dapatlah saya menyempurnakan Projek Ilmiah Kesusasteraan Melayu bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Master Sastera (Kesusasteraan Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Pada kesempatan ini, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Nik Rafidah Binti Nik Muhamad Affendi, selaku pengerusi ahli jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta panduan yang amat berguna dalam usaha saya untuk menyiapkan tulisan ilmiah ini. Tanpa bimbingan beliau yang penuh kesabaran ini, projek ilmiah ini tidak akan dapat disempurnakan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Segala usaha dan pengorbanan masa beliau itu akan tetap abadi dalam ingatan saya dan merupakan suatu pengalaman akademik yang tidak ternilai harganya.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang merupakan penyumbang terbesar untuk kajian ilmiah ini. Semoga kalian akan menjadi insan yang berguna kepada masyarakat dan berjasa kepada negara kelak.

Sejambak mawar dan sekalung kasih untuk ahli keluarga dan rakan-rakan tersayang yang sudi menyumbangkan buah fikiran untuk menyempurnakan kajian ini, terutamanya Puan Hajah Halimah Hassan dan Prof Madya Dr Arbaie Bin Sujud. Begitu juga penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan bahan penyelidikan, khasnya kakitangan perpustakaan UPM, UKM dan Perpustakaan Negara.

Akhir kata saya berharap agar hasil penulisan ini dapat menepati maklumat dan objektif kajian serta kehendak penyelia kursus. Penulisan ini juga menjadi panduan dan pengalaman kepada saya sebagai mahasiswa yang tidak pernah jemu menerokai ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 1 Disember 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mior Muhammad Saiful Nizan bin Muhd Saali bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Nilai Pendidikan dalam Kisah 25 Rasul untuk Mendidik Kanak-Kanak Berdasarkan Pendekatan Islam” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Fazilah binti Husin, PhD**

Senior Lecturer  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Normaliza bt Abd Rahim, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohamad Mokhtar Abu Hassan, PhD**

Profesor  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Date: 19 Mac 2015



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Arba'ie Sujud, PhD**

Profesor Madya Dr.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Professor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di universiti putra malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti putra malaysia, mengikut kaedah-kaedah universiti putra malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. tesis telah diimbaskan dengan perisian plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Mior Muhammad Saiful Nizan Mohd Saali (GS28414)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakuakn bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah dibawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.2 Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia	4
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Batasan Kajian	12
1.7 Definisi Konsep dan Operasional.	13
1.7.1 Kanak-kanak	14
1.7.2 Pendidikan Dalam Sastera Kanak-kanak	14
1.7.3 Nilai	16
1.7.4 Sastera Kanak-kanak	16
1.7.5 Tahap Buku	17
1.7.6 Rangka Konseptual	17
1.8 Kesimpulan	18
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.0 Pengenalan	19
2.1 Jurnal	20
2.2 Kertas Kerja	22
2.2 Buku-Buku Ilmiah	23
2.3 Kajian di Peringkat Sarjana	26
2.2 Kesimpulan	30
<b>BAB 3 METADOLOGI</b>	
3.0 Pengenalan	31
3.1 Reka Bentuk Kajian	32
3.1.1 Kajian Kepustakaan	32
3.1.2 Pendekatan Kajian	33
3.1.3 Penganalisan Data	33
3.1.4 Konseptual Teori	34

3.1.4 Pendidikan Iman	35
3.1.5 Pendidikan Akhlak	36
3.1.6 Pendidikan Fizikal	36
3.1.7 Pendidikan Intelektual	37
3.1.8 Pendidikan Psikologi	37
3.1.9 Pendidikan Sosial	38
3.1.10 Pendidikan Seksual	39
3.2 Latar Belakang Abdullah Nashih Ulwan	39
3.3 Kesimpulan	40
<b>BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1.0 Pengenalan	42
4.1.1 Nilai Pendidikan Iman	43
4.1.2 Nilai Pendidikan Akhlak	53
4.1.3 Nilai Pendidikan Fizikal	61
4.1.4 Nilai Pendidikan Intelektual	69
4.1.5 Nilai Pendidikan Sosial	81
4.1.6 Nilai Pendidikan Psikologi	89
4.1.7 Nilai Pendidikan Seksual	97
4.1.8 Kesimpulan	100
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	101
5.1 Pencapaian Objektif Kajian	101
5.2 Kesimpulan	101
5.2 Implikasi Kajian	104
5.3 Cadangan-cadangan	106
5.3.1 Media massa dan Penerbit	107
5.3.2 Cadangan untuk penyelidikan selanjutnya	108
<b>BIBLIOGRAFI</b>	110
<b>BIODATA PELAJAR</b>	116
<b>PENERBITAN</b>	117

## SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah		Halaman
1	Rangka Konseptual.	17
2	Konseptual Teori.	34



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Senarai Kisah Para Rasul dikaji	12



## SENARAI SINGKATAN

UPM	-	Universiti Putra Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
PKM	-	Pejabat Karang Mengarang
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PURNAMA	-	Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja
SWT	-	Subhanawata'ala
SAW	-	Sallallahualaihiwasallam
A.S	-	Alaihissalam





# BAB I

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Kesusasteraan kanak-kanak merupakan karya sastera yang mengungkapkan persoalan tentang dunia kanak-kanak yang disampaikan secara lisan mahupun tulisan. Kanak-kanak mempunyai banyak keinginan, antaranya ialah dari segi emosi dan rohani, rasa kepunyaan iaitu menjadi sebahagian dari kumpulan, ingin menyayangi dan disayangi, ingin berjaya menjadi seorang yang dihargai, rasa ingin tahu iaitu berjaya dari segi intelek, ingin berubah dan kepuasan estetika. Selain itu jiwa kanak-kanak dapat dibentuk dan dididik melalui bahan bacaan sastera yang mengandungi pelbagai nilai-nilai pendidikan.

Dalam hal ini, bahan bacaan yang sesuai dengan kanak-kanak atau lebih dikenali sebagai sastera kanak-kanak adalah salah satu bidang dalam kesusasteraan Melayu moden yang semakin berkembang dan mendapat tempat khususnya dalam kalangan khalayak kanak-kanak. Hal ini sebagaimana yang dikatakan oleh (Sutherland, 1986) sastera kanak-kanak adalah semua penulisan berbentuk imaginatif kreatif yang dihasilkan untuk tatapan kanak-kanak untuk hiburan dan dinilai mereka. Kesusasteraan kanak-kanak bukan sahaja sebagai buku yang dibaca dan disukai oleh kanak-kanak tetapi juga buku yang ditulis menepati tahap nilai-nilai sastera dan cita rasa seni yang baik. Secara umum, ia merangkumi seluruh bahan yang berkualiti dan bermanfaat kepada mereka termasuklah sebagai medium menyalurkan nilai-nilai pendidikan.

Sehubungan itu, sastera kanak-kanak adalah antara salah satu medium yang dapat menyalurkan nilai-nilai pendidikan dan hiburan kepada kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, hubungan kesusasteraan dengan khalayak tidak dapat dipisahkan kerana keduanya saling memerlukan dan saling melengkapi. Sebagaimana menurut (Sohaimi Abdul Aziz, 1997), disebabkan kehidupan masyarakat dan pengarang yang pelbagai bentuk dan ragam menjadi ilham kepada pengarang untuk berkarya. Justeru, daripada karya sastera inilah menjadi perintis mencorak ilmu pengetahuan dalam kalangan kanak-kanak semasa perkembangan fizikal,

mental dan spritualnya. Menurutny lagi, cerita kanak-kanak seperti juga jenis-jenis sastera yang lain dibina berasaskan kepada beberapa unsur dan di antaranya ialah nilai pendidikan. Hubungan di antara nilai pendidikan dengan cerita amat erat sekali umpama irama dan lagu. Tanpa nilai pendidikan maka cerita yang dihasilkan akan menjadi hambar dan kering dan tidak memberi kesan kepada khalayak kanak-kanak.

Islam merupakan agama yang diturunkan bertujuan untuk hamba-hamba-Nya yang di perantarakan melalui Rasulullah SAW. Ia diturunkan dengan sempurna dan lengkap bagi memimpin umat manusia di dunia untuk melaksanakan ketaatan secara holistik kepada Allah SWT. Berikutan itu, Islam telah dihayati dengan cukup sempurna oleh Rasulullah SAW dan umat manusia terdahulu dalam kehidupan orang perseorangan mahupun secara berkumpulan (Abdullah Nasih Ulwan, 1996).

Terdapat tiga kaedah pendidikan yang boleh menjamin manusia supaya terselamat daripada kerugian dan kehinaan. Berdasarkan Surah Al-Ashr. Penjelasan terperinci telah dikemukakan oleh Abdul Rahman an-Nawawi, dalam kitabnya iaitu Pendidikan Islam, di rumah, di sekolah dan masyarakat. Abdul Rahman menyatakan:

Manusia dapat mencapai keselamatan daripada azab dan kerugian melalui tiga jenis bentuk pendidikan, iaitu pendidikan individu yang memimpin manusia kepada nilai keimanan dan ketaatan kepada syariat. Kedua pendidikan yang memimpin kepada amal soleh dalam kehidupan. Ketiga pendidikan masyarakat yang memimpin manusia kearah menyampaikan kebenaran dan saling berpesan ketika menghadapi masalah yang hakikatnya adalah bertujuan beribadah kepada Allah (106:1981).

Selanjutnya menurut (Abdul Halim El-Muhammady, 2000), pendidikan dalam Islam merupakan proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani serta emosi manusia berasaskan Al-Quran dan Sunnah. Pengalaman ulama serta ilmuan muktabar dapat dijadikan pedoman dalam melahirkan insan soleh yang mampu memikul tanggungjawab yang diamanahkan Allah SWT supaya menjalankan kewajipan kepada umat manusia yang lain di alam ini demi kebahagiaan hidup di dunia mahupun di akhirat.

Menurut (Brown & Tomlinson, 1999), menyatakan sastera kanak-kanak adalah bahan bacaan yang dikhususkan kepada kanak-kanak dari awal usia sehingga dewasa. Manakala judul-judul buku ini adalah berkisarkan kehidupan kanak-kanak yang diolah dalam pelbagai bentuk seperti puisi, prosa dan fiksyen.

Selain itu, (Glazer, 2000) juga berpandangan bahan bacaan kanak-kanak ditulis bertujuan bagi menyediakan bahan bacaan dan rujukan dengan tidak mengira

bentuk penulisan sama ada buku cerita fiksyen dan bukan fiksyen. Tujuannya untuk menyalurkan informasi.

Justeru itu, dapat dirumuskan yang didengari dan dilihat kanak-kanak adalah merupakan satu pendidikan bagi mereka. Menurut (Faisal Tehrani, 2005), Dalam usia mereka yang belum matang, kanak-kanak tidak dapat membezakan mana yang baik dan yang mana buruk. Perspektif yang sama dalam hal ini, dapat dilihat melalui Barat dan Islam. Apa yang membezakan antara Islam dan barat ialah pendidikan Islam yang akan memimpin dan menjadi panduan. Pendidikan dalam Islam bukan satu sistem pendidikan yang berdasarkan sesuatu di luar daripada Islam, dari barat ataupun yang dimasukkan unsur Islam di dalamnya.

Pendidikan dalam Islam ialah pendidikan yang berprinsipkan kepada kepercayaan dan kandungannya berpaksikan Islam. Pendidikan Islam yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah adalah sistem pendidikan yang menyeluruh, tidak terhad hanya kepada ibadat semata-mata ataupun melebihi seseorang sehingga melupakan amal kebaikan, bahkan merangkumi seluruh kehidupan.

Menerusi penerangan di atas, menunjukkan begitu penting pendidikan kanak-kanak ini disandarkan dengan cerita berasaskan Islam agar dapat memberi kebaikan kepada kanak-kanak. Sesungguhnya kanak-kanak memerlukan cerita bertunjangan Islam kerana ianya amat rapat sekali dengan aspek pendidikan (Faisal Tehrani, 2005). Membaca karya cerita bererti mengenali perwatakan yang sebahagian besarnya merupakan timbal balik dari kehidupan sejagat. Kanak-kanak dapat mengenal pasti setiap agenda yang dilakukan watak protagonis mahupun watak antagonis.

Sastera di dalam pendidikan kanak-kanak tidak banyak ditonjolkan, lebih-lebih lagi di dalam kisah-kisah para nabi (Zainiah Mohamed Isa, 2008). Namun sebenarnya kisah-kisah nabi ini berperanan penting di dalam pendidikan kanak-kanak. Bagi memperlihatkan kisah-kisah para nabi sebagai elemen yang penting dalam pendidikan kanak-kanak, kepentingannya dalam perkembangan kanak-kanak serta cara nilai pendidikan itu dipersembahkan perlu diperjelaskan. Hal ini kerana jika kisah-kisah para nabi ini dipergunakan dengan meluas dalam kalangan kanak-kanak sudah tentu kanak-kanak akan mendapat pendedahan yang mendalam dan seterusnya dapat menimbulkan penghayatan.

## Perkembangan Sastera Kanak-Kanak Di Malaysia

Kedudukan kesusasteraan kanak-kanak sudah merentas batas kemajuan yang kini dapat dilihat perkembangannya dari semasa ke semasa. Dalam masyarakat Melayu tradisional, tradisi lisan bermula dengan penyampaian kisah sastera rakyat dalam kalangan orang dewasa dan akhirnya turut diminati oleh golongan kanak-kanak.

Bermula dengan sastera rakyat, kanak-kanak dilihat mudah tertarik dengannya kerana sastera rakyat meliputi pelbagai kisah dan cerita. Sebagaimana menurut (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005) sastera rakyat terdiri daripada cerita-cerita binatang, kisah mitos, kisah lagenda dan cerita fantasi. Selain itu, kehadiran kisah-kisah humor berunsur satira seperti mana “*Lebai Malang*”, “*Pak Kaduk*”, “*Pak Pandir*”, dan “*Pak Belalang*” juga menarik minat kanak-kanak. Jalan ceritanya yang ringkas dan terselit unsur jenaka membuatkan masyarakat khususnya kanak-kanak menyenangi cerita-cerita sebegini.

Namun, sebelum kisah-kisah dalam sastera rakyat diperkenalkan kepada golongan kanak-kanak, mereka sebenarnya telah didedahkan dengan nyanyian dan puisi sejak lahir lagi. Nyanyian yang kebiasaannya disampaikan dalam bentuk pantun dan puisi diperdengarkan kepada kanak-kanak ketika mereka didodoikan untuk tidur atau menghiburkan mereka. Antaranya nyanyian atau pantun yang didendangkan kepada mereka adalah seperti “*Pok Amai-amai*”, “*Lenggang Kangkung*”, “*Burung Kenek-kenek*” dan “*Tebang Tebu*”. Selain itu, cerita - cerita dan puisi ini juga biasanya disampaikan secara lisan oleh tukang cerita atau penutur cerita secara profesional seperti Tok Selampit, Awang Belanga mahupun Awang Batil. Bermula dari tradisi lisan inilah sastera kanak-kanak mula berkembang dan akhirnya bertukar corak dalam bentuk tulisan bagi memenuhi tuntutan semasa dan keperluan kanak-kanak.

Perkembangan sastera kanak-kanak secara bertulis di Malaysia dibahagikan kepada lima tahap. Bermula dari tahap permulaan, diikuti dengan tahap percubaan kemudian tahap pembentukan, tahap perluasan dan akhir sekali tahap pemantapan. Bagi tahap permulaan (sebelum 1924) sastera kanak-kanak bermula dengan adanya kegiatan percetakan dan penerbitan. Bermula dengan hasil karya Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir sekitar tahun 1796 - 1854 yang dicetak seperti *Syair Singapura Terbakar* (1830), kisah *Pelayaran Abdullah* (1818) dan *Hikayat Abdullah* (1843). Selain itu ada di antara karya-karya Abdullah yang di cetak khas dan dijadikan bahan bacaan di sekolah-sekolah Melayu pada zaman penjajahan Inggeris iaitu *Kisah Pelayaran Abdullah dan Hikayat Abdullah* (1888- 89), di samping karya sastera klasik Melayu iaitu Sulalatus Salatin dan Hikayat Hang Tuah.

Kebanyakan bahan bacaan sastera yang dihasilkan pada zaman ini dijadikan teks sekolah dan boleh dikatakan bahan bacaan sastera yang ditulis khusus untuk kanak-kanak yang awal diterbitkan yang sesuai dengan kanak-kanak ialah Hikayat Penerang Hati pada tahun 1901. Menurut (Alang Ahmad Mohammad Yunus, 1924). Buku ini mengandungi 200 buah cerita dongeng Aesop ( Aesop Fables) Buku ini dianggap sebagai salah satu buku Melayu yang penting dalam abad ke-19.

Oleh yang demikian dapat dikatakan bahawa pada peringkat permulaan ini bahan bacaan kanak-kanak adalah hasil daripada terjemahan karya luar negeri dan juga sastera rakyat lalu dikembangkan melalui percetakan dan penerbitan. Individu yang bertanggungjawab mengusahakannya adalah yang berminat dalam dunia sastera dan juga pendidikan.

Seterusnya tahap percubaan atau pertumbuhan (1924-1956), sastera kanak-kanak masih kurang permintaannya di peringkat awal kerana masih ramai dalam kalangan masyarakat yang masih belum tahu menulis dan membaca. Hal ini juga ada kaitannya dengan sistem pendidikan formal yang terbatas pada peringkat awal. Hal ini menyebabkan bahan bacaan sastera masih kurang penghasilannya dan tidak mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu. Namun setelah sekolah-sekolah Melayu mendapat tempat dan berkembang luas di seluruh Malaysia, baharulah permintaan terhadap bahan bacaan dan buku teks meningkat. Di sinilah bermulanya penubuhan dan peranan Pejabat karang Mengarang (PKM) bagi memenuhi keperluan tersebut.

Penubuhan PKM ini menjadikannya bertanggungjawab penuh terhadap perkembangan kesusasteraan kanak-kanak pada zaman ini. PKM juga telah ditubuhkan pada tahun 1924 dan diasaskan oleh Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) dan Dussek. Dengan adanya PKM sumbangannya dapat dilihat melalui terhasilnya dua buah siri penerbitan utamanya iaitu The Malay School Series yang menerbitkan buku-buku teks, dan juga The Malay Home Library Series yang menyediakan bahan bacaan sastera ringan untuk kanak-kanak sekolah dan juga orang-orang dewasa.

Menurut Hadijah Rahmat (2006) buku-buku sastera yang dihasilkan oleh PKM terdiri daripada pelbagai jenis seperti cerita-cerita dongeng (*Fairy tales*) Barat dan Timur tengah, cerita-cerita bercorak pengembaraan dan *advancer* ( *Adventure stories*), cerita-cerita mata-mata gelap (*detective stories*), buku-buku drama Barat juga cerita-cerita binatang (*animal tales*). Menurutnya lagi, kebanyakan buku-buku tersebut disertakan dengan ilustrasi dan hampir kesemuanya diterbitkan dalam tulisan jawi, memandangkan masyarakat ketika itu hanya mengetahui tulisan tersebut.

Menurut (Nijhar, 1984), bagi menarik perhatian lebih banyak lagi penulis-penulis bagi menghasilkan karya sastera kanak-kanak, PKM menganjurkan beberapa pertandingan mengarang. Hal ini bagi memenuhi tuntutan keperluan bahan bacaan sastera kanak-kanak yang semakin berkembang dan banyak permintaannya. Pertandingan yang dianjurkan oleh PKM ini telah menggalakkan lahirnya karya-karya asli tempatan dan juga telah memulakan tradisi penulisan novel dan cerita pendek kanak-kanak. Oleh itu, PKM dapat dikatakan telah meneruskan dan memperluaskan usaha individu yang memajukan kesusasteraan kanak-kanak di Malaysia pada zaman tersebut.

Pada zaman sebelum merdeka kebanyakan buku kanak-kanak diterbitkan sekitar tahun 1930-an dan sebelumnya. Kebanyakan hasil sastera dari sumber-sumber sastera luar terutamanya daripada Barat dan sastera klasik serta tradisional tempatan diteroka bagi memenuhi keperluan tersebut. Walaupun pada zaman ini banyak bahan bacaan sastera kanak-kanak dihasilkan, mutu buku-buku yang dihasilkan masih rendah khususnya dari aspek teknik penulisan dan percetakannya. Namun sekitar tahun 1940-an pula penghasilan karya sastera kanak-kanak suram dan tiada hasil apabila Jepun mula bertapak di Malaysia dan bermulanya zaman perang dunia kedua (Azizah Hamdan dan Md Sidin Ahmad Ishak : 2004).

Pada tahap pembentukan pula telah bermula sekitar tahun 1957 hingga 1970-an. Perkembangan hasil bahan bacaan sastera kanak-kanak ada kaitannya dengan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu dan juga Dasar Pelajaran Kebangsaan yang diwujudkan kerajaan (Atan Long, 1984). Dasar bahasa dan pendidikan kebangsaan telah meletakkan bahan bacaan kanak-kanak dalam bahasa kebangsaan di tempat yang istimewa. Lanjutan dari keadaan ini, permintaan terhadap buku-buku bacaan tambahan, buku teks sekolah terutamanya buku-buku sastera untuk kegunaan pelajar-pelajar sekolah kebangsaan dan kanak-kanak lainnya.

Dalam mencapai cita-cita bahasa, kesusasteraan dan pendidikan, kesusasteraan kanak-kanak memainkan peranan besar bagi tujuan itu. Di sinilah bermulanya tugas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam memartabatkan kesusasteraan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat. Beberapa kegiatan telah diadakan bagi memenuhi tugas dan tanggungjawab tersebut. Antaranya Seminar Kebangsaan Sastera Kanak-kanak telah diadakan pada tahun 1966. Kemudian DBP telah menerbitkan buku kanak-kanak berjudul *Anak Raja Dengan Anak Papa* yang diterjemahkan oleh Za'ba dari *The Prince and The Pamper* pada tahun 1958. Buku ini merupakan bahan bacaan sastera kanak-kanak yang paling awal di usahakan oleh DBP (Hadijah Rahmat:2006).

Menurut (Sulaiman Masri,1984). Hanya dalam tahun 1970-an barulah satu rangka tubuh umum ( general structure) kesusasteraan kanak-kanak berbentuk pelbagai genre dan bahagian dalam kesusasteraan kanak-kanak terhasil setelah mengalami tiga tahap perkembangan sepertimana yang dijelaskan. Antara genre yang dihasilkan dalam sastera kanak-kanak adalah cerita pendek ( cerpen), drama, cerita jenaka, cerita rakyat, novel, puisi, biografi dan juga cerita berunsurkan sejarah. Pada tahap perluasan (1970-1982) pula sastera kanak-kanak mengalami proses pertumbuhan. Seterusnya pelbagai kegiatan dianjurkan oleh badan-badan bertanggungjawab antaranya seminar yang membincangkan bahan-bahan bacaan untuk kanak-kanak. Selain itu, pelbagai pertandingan juga turut dianjurkan yang meliputi pelbagai bidang dan jenis bengkel-bengkel penulisan bagi membimbing individu yang berminat dengan bidang sastera kanak-kanak itu. Dengan adanya kegiatan-kegiatan ini, sastera kanak-kanak semakin berkembang dan mengalami proses perluasan di mana pelbagai bentuk dan genre dihasilkan.

Sekitar tahun 1990-an hingga 2000 dapat dikatakan bahawa sastera kanak-kanak sedang mencapai tahap pemantapan. Hal ini dilihat menerusi penerbitan bahan-bahan bacaan sastera kanak-kanak yang semakin bertambah dan juga bilangan penerbitannya. Badan-badan kerajaan dan juga swasta berganding bahu menganjurkan pelbagai acara mahupun pertandingan bagi mencungkil bakat-bakat baru bagi menerajui bidang ini. Sehingga kini DBP masih berperanan penting dalam mengembangkan sastera kanak-kanak lebih-lebih lagi apabila tertubuhnya (PURNAMA) iaitu Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja iaitu satu bahagian yang bertanggungjawab penuh menerajui dunia sastera kanak-kanak di Malaysia (Awang Had Salleh,1984).

Pada tahap pemantapan ini, PURNAMA bertanggung jawab untuk memperhebat perkembangan sastera kanak-kanak melalui penyelidikan yang berkesan. Sejak ditubuhkan pada tahun 1956, DBP agak banyak menumpukan perhatian kepada penerbitan karya sastera kanak-kanak dan hal ini merupakan rancangan yang dikembangkan dan peringkat awal di PKM sekitar tahun 1950-an. Pada 3 Mac 1997, PURNAMA telah dirasmikan oleh isteri perdana menteri pada masa itu. Pada waktu itu PURNAMA diletakkan dalam Bahagian Kesusasteraan Moden dan digerakkan untuk melangsungkan perkembangan sastera kanak-kanak dengan lebih pesat lagi (Izzah Abd Aziz, 2000).

Selain itu, menurut (Othman Puteh, 2000), PURNAMA juga bertujuan untuk menaikkan martabat bukan sahaja penulis sastera kanak-kanak dan remaja, tetapi juga pelukis, penulis lirik, pemuzik, pengkritik dan penggiat-penggiat seni lain yang ada hubungan dengan pengisian jiwa kanak-kanak dan remaja. Maka dengan tertubuhnya PURNAMA ini dapat memupuk semua mereka yang berminat untuk memajukan lagi sastera kanak-kanak dan remaja termasuklah penerbit buku dan majalah serta tidak ketinggalan juga penerbit media elektronik (Izzah Abd Aziz dan Sandra Pragas Waran, 2000)

Namun di awal penubuhan PURNAMA, perkembangan yang ingin dilakukan belum dilihat dengan nyata sehinggalah Anwar Ridwan yang pada ketika itu ketua Bahagian Kesusasteraan Moden di DBP bagi tahun 2001-2005, Menurut (Anwar Rithwan, 2000) pimpinan DBP telah melihat potensi PURNAMA untuk berkembang dengan lebih rancak dan akan berdiri di atas namanya sendiri, dengan kata lain PURNAMA tidak akan bernaung lagi di bawah bahagian Kesusasteraan Moden. Dengan itu segala kegiatan penerbitan dan kegiatan untuk kanak-kanak dan remaja yang begitu rancak dilakukan sejak tahun 1970-an hingga pertengahan tahun 1990-an dapat diteruskan dengan lebih pesat.

Oleh yang demikian, untuk memenuhi tuntutan tersebut PURNAMA memerlukan penggerak yang benar-benar memahami keperluan kanak-kanak dan remaja, aspek teknikal, penerbitan, dan juga sensitif terhadap perkembangan teknologi terkini. Setelah melihat perkembangan sastera kanak-kanak dari awal sehinggalah kini, ternyata kesusasteraan kanak-kanak lebih banyak mengalami perubahan dari segi kuantiti daripada perubahan kualiti. Sebagaimana menurut (Hadijah Rahmat, 2006) bahawa jumlah buku sastera kanak-kanak pada masa kini kecil untuk memenuhi keperluan dan permintaan terhadap buku-buku tersebut yang kian meningkat biarpun setiap jenis buku sastera dan jumlah keseluruhannya bertambah.

Perkembangan sastera kanak-kanak dari segi kualiti pula ternyata amat perlahan. Tidak banyak penerokaan dan pembaharuan yang telah dilakukan kecuali peningkatan dari segi mutu percetakan, penerbitan dan teknik penulisan. Keadaan ini disebabkan oleh kurangnya penulis-penulis tempatan yang berkebolehan dan masyarakat umumnya masih tertumpu pada usaha menambah bilangan buku daripada meningkatkan mutu.

Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa sastera kanak-kanak bukan sahaja mengalami perkembangan, namun dilihat sebagai medium pendidikan dalam pembentukan diri kanak-kanak yang bermula sejak awal lagi. Selain itu, sastera kanak-kanak juga dikenalpasti mempunyai beberapa peranan dan fungsi utama lain serta bermanfaat dalam diri kanak-kanak itu sendiri. Justeru, sastera kanak-kanak dilihat semakin maju berkembang dari semasa ke semasa dengan fungsinya yang pelbagai dapat memenuhi tuntutan keperluan masa kini khususnya untuk kanak-kanak.

### **Pernyataan Masalah**

Karya sastera sama ada untuk kanak-kanak, remaja atau dewasa mempunyai matlamat untuk mendidik dan membangunkan diri manusia sama ada personalitinya, pemikirannya dan kebahasaannya. Sehubungan itu, Hadijah



Rahmat (ix:2006) berpendapat bahawa bahan-bahan bacaan termasuk karya sastra adalah alat hiburan dan pendidikan yang penting khususnya untuk kanak-kanak. Salah satu alat yang boleh menyalurkan nilai-nilai pendidikan yang baik selain agama yang dianuti, ialah ilmu kemanusiaan seperti sastra dapat membantu ke arah pembentukan jiwa murni, terutama kepada kanak-kanak.

Hasil kesusasteraan, sama ada untuk remaja, dewasa atau kanak-kanak berperanan untuk memberi pendidikan dan membangunkan diri seseorang sama ada cara berfikirnya, bahasanya, mahupun personanya. Salah satu cara yang boleh mewujudkan nilai moral yang tinggi selain ilmu kemanusiaan ialah ilmu agama yang dianuti dapat melahirkan jiwa bersih terutama kepada kanak-kanak dengan “berpesan karya sastra keagamaan dapat mendewasakan manusia dan memperhalus budi, juga berupaya memberi kesan kepada pemikiran dan rasa. Pengalaman ini sangat diperlukan untuk menjadi seorang manusia yang utuh” (Misran Rokimin, 2006).

Sastra kanak-kanak berperanan besar melalui perkembangan minda dan perlakuan. Hal ini demikian kerana, dalam setiap karya kanak-kanak dikenalpasti terkandung nilai-nilai pendidikan dan pengajaran yang baik untuk perkembangan minda kanak-kanak. Menurut Estes dalam buku (Hadijah Rahmat, 2006) buku kanak-kanak yang baik adalah buku yang dapat:

“Menyebabkan seseorang kanak-kanak ketawa atau menangis menjadikannya berasa beberapa emosi, menyebabkan ia berasa ingin keluar untuk membetulkan kejahatan dunia, untuk mencapai sesuatu yang mulia ; mencetuskan hubungan perasaan di jiwanya dengan pemikiran, tulisan dan tindakan mulia dan unggul ajli fikir ; menimbulkan perasaan kasihan terhadap golongan yang tidak bernasib baik dan yang berduka ; menimbulkan kesedaran bahawa apa yang ia fikirkan, tuturkan dan lakukan, turut menyumbangkan rasa persefahaman sesama manusia, dan bertegas bahawa orang ramai perlu bersifat baik dan murah hati.”

Jika dilihat dari perspektif Islam karya kanak-kanak adalah sangat penting kerana ia adalah wadah penyampaian dan pendidikan kepada kanak-kanak. Anak yang dilahirkan merupakan ciptaan terbesar yang melambangkan keilmuan Tuhan dan menjadi kurniaan dan rahmat yang begitu besar nilainya bagi ibu bapa. Tiada suatu pun yang dapat menandingi hakikat kebesaran dan keilmuan Tuhan dalam hal ini. Anak yang dilahirkan itu dilengkapi dengan tiga perkara, iaitu jasad, roh dan akal. Oleh itu, tugas membentuk anak itu dalam tiga perkara itu merupakan amanah ibu bapa. Baik asuhan dan didikan yang diterima oleh anak itu, maka baiklah dia dan sekiranya hal yang sebaliknya diterima, maka buruklah dia. Anak itu ibarat kain putih yang suci bersih dan terpulanglah kepada ibu bapa untuk mencorakkannya (Sufean Hussin, 1993).

Kekurangan sastera kitab untuk golongan kanak-kanak merupakan petanda tidak baik kepada generasi kanak-kanak di Malaysia. Dalam hal ini pada tahun 2013, Umi E.na dalam buku *Tip Mengarang Buku Ilustrasi* terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia ada mengeluarkan kenyataan bahawa kesusasteraan kanak-kanak diketepikan dan dilabel sebagai bertaraf kelas kedua. Kenyataan ini menimbulkan persoalan apakah pada era ini sastera kitab untuk kanak-kanak harus dipandang rendah juga? Sedangkan (Saniyasnain Khan, 2013) daripada India ada menulis cerita yang berasal daripada Al Quran yang berjudul *Goodnight Stories from the Quran* mendapat sambutan yang baik diseluruh dunia menjadikan buku tersebut “best seller”. Kisah ini mendapat perhatian ramai kerana menekankan unsur pendidikan yang sesuai untuk kanak-kanak. Kekurangan cerita sebegini yang berada di Malaysia yang masih lagi terpinggir. Justeru pengkaji terpinggil untuk mengkaji *Kisah 25 Rasul Untuk Adik-Adik* Susunan Othman Ramli untuk menganalisis daripada aspek nilai pendidikan dan seterusnya mengklasifikasikan untuk melihat kesesuaian kepada kanak-kanak.

Sorotan kajian juga mendapati, kajian mengenai nilai-nilai pendidikan dalam sastera kanak-kanak berunsur Islam di Malaysia terutamanya kajian ke atas bahan sastera kanak-kanak berunsur Islam kurang dilaksanakan. Ini akan membantutkan usaha-usaha untuk memberi pendedahan tentang kepentingan nilai-nilai pendidikan berdasarkan bahan bacaan kanak-kanak itu sendiri. Jadi sudah tiba masanya kajian tentang nilai-nilai pendidikan dalam bahan kanak-kanak Islam dilakukan supaya pendedahan kepentingan genre ini didedahkan dari sudut fungsi bahan bacaan dan kesan agar ianya dapat dinilai untuk diterima sebagai bahan bacaan pilihan sebagai medium pendidikan dalam khalayak kanak-kanak.

### **Objektif kajian**

Sejajar dengan pernyataan masalah dan kepentingan kajian yang telah dikemukakan, kajian ini menggariskan dua objektif kajian seperti yang disenaraikan di bawah ini:

- 1) Menenal pasti nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam *Kisah 25 Rasul Untuk Adik-Adik*.
- 2) Mengklafikasikan nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam *Kisah 25 Rasul Untuk Adik-Adik* berdasarkan pendekatan pendidikan kanak-kanak dalam Islam.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kepelbagaian elemen pendidikan yang terdapat dalam kisah para Rasul untuk digunakan sebagai bahan bacaan kepada khalayak kanak-kanak. Kajian ini adalah penting khususnya kepada masyarakat agar menjadikan sastera kanak-kanak berunsur Islam dijadikan medium pendidikan di peringkat awal tumbesaran kanak-kanak. Selain itu, kajian ini ialah untuk memberikan pendedahan bahawa kisah para nabi mampu menjadi bahan bacaan utama untuk mendidik kanak-kanak. Hasil dapatan kajian ini juga dapat memberi petunjuk yang lebih terperinci tentang kepentingan kisah-kisah nabi dalam melahirkan insan yang beragama dan berakhlak mulia. Kajian ini juga dapat melihat kesan yang positif sastera ini, misalnya menyanggah pandangan yang menyatakan karya-karya keagamaan ini hanya bersifat sehala dan tidak menyalurkan nilai pendidikan secara menyeluruh.

Melalui kajian ini, pengkaji berharap agar kepentingan dan keberkesanan sastera keagamaan dalam pendidikan awal kanak-kanak dapat diberi penelitian dan galakan yang lebih positif dalam kalangan para pendidik bahasa dan khalayak umum. Hasil dapatan kajian ini juga diharapkan oleh pengkaji boleh menjadi bahan rujukan kepada para penulis untuk membuat pembaharuan dalam dunia sastera kanak-kanak untuk mempertingkatkan pencapaian penulis dan seterusnya menjadikan sastera keagamaan sebagai bahan bacaan nombor satu di negara ini.

Selain itu juga hasil kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada pihak tertentu terutama pengkaji, dunia akademik dan seterusnya kepada organisasi yang berkenaan. Pengalaman sepanjang menjalankan penyelidikan dapat dimanfaatkan oleh pengkaji dengan sebaik mungkin. Melalui ilmu dan pengalaman yang diperolehi secara tidak langsung dapat membantu atau memberi tunjuk ajar kepada bakal pengkaji yang akan menjalankan penyelidikan yang berkenaan dengan bidang ilmu kesusasteraan.

Selain kepentingan kepada pengkaji, hasil penyelidikan ini dapat disalurkan kepada dunia akademik di mana dengan adanya penemuan idea-idea baru sekaligus dapat menambahkan lagi bahan-bahan ilmiah yang boleh dijadikan bahan rujukan kepada pelajar yang meminati bidang ilmu sastera.

Akhir sekali, kajian ini diharap dapat merangsang semua lapisan masyarakat untuk mendekati sastera keagamaan serta memberi kepentingan kepada organisasi atau juga kepada institusi. Sumbangannya sudah semestinya dapat menambahkan bahan bacaan dan rujukan ilmiah kepada semua pihak yang terlibat dalam organisasi tersebut.

## Batasan kajian

Kajian ini hanya dibataskan kepada *Kisah 25 Rasul Untuk Adik-Adik* terbitan Sarjana Media Sdn Bhd. Pengkaji memilih karya ini kerana ianya mengandungi kisah-kisah kenabian yang dimulai dari kisah Nabi Adam hinggalah kepada nabi Muhammad s.a.w. Selain itu kisah ini juga mendapat tempat di pasaran dengan sebanyak 6 kali cetakan bermula pada tahun 2005 hingga 2011. Karya ini juga menerima anugerah buku kanak-kanak terbaik pada 2008 daripada Persatuan Penerbit Buku Asean dan anugerah khas juri daripada Media Islam Negara pada 2009. Berdasarkan sambutan yang menggalakkan serta anugerah yang diterima, karya ini pasti ada sesuatu yang menarik dalam kandungannya sehinggakan ianya mendapat tempat. Berdasarkan fenomena di atas mendorong pengkaji untuk meneliti karya tersebut menggunakan pendekatan Islam yang diutarakan oleh (Abdullah Nasih Al-Ulwan,1996).

Dalam kajian ini, sebanyak 25 kisah para nabi akan dianalisa menggunakan pendekatan kanak-kanak dalam Islam untuk memenuhi keperluan objektif kajian. Senarai kisah para Rasul dapat diperhatikan dalam jadual di bawah seperti berikut:

Jadual 1: Senarai Kisah Para Rasul dikaji

Bil	Judul	Penerbit
1	Kisah Nabi Adam	Sarjana Media Sdn Bhd
2	Kisah Nabi Idris	Sarjana Media Sdn Bhd
3	Kisah Nabi Nuh	Sarjana Media Sdn Bhd
4	Kisah Nabi Hud	Sarjana Media Sdn Bhd
5	Kisah Nabi Salleh	Sarjana Media Sdn Bhd
6	Kisah Nabi Ibrahim	Sarjana Media Sdn Bhd
7	Kisah Nabi Luth	Sarjana Media Sdn Bhd
8	Kisah Nabi Ismail	Sarjana Media Sdn Bhd
9	Kisah Nabi Yaakub	Sarjana Media Sdn Bhd
10	Kisah Nabi Yusuf	Sarjana Media Sdn Bhd
11	Kisah Nabi Ayub	Sarjana Media Sdn Bhd

12	Kisah Nabi Zukifli	Sarjana Media Sdn Bhd
13	Kisah Nabi Syuib	Sarjana Media Sdn Bhd
14	Kisah Nabi Musa	Sarjana Media Sdn Bhd
15	Kisah Nabi Harun	Sarjana Media Sdn Bhd
16	Kisah Nabi Daud	Sarjana Media Sdn Bhd
17	Kisah Nabi Sulaiman	Sarjana Media Sdn Bhd
18	Kisah Nabi Ilyas	Sarjana Media Sdn Bhd
19	Kisah Nabi Ilyasa'	Sarjana Media Sdn Bhd
20	Kisah Nabi Yunus	Sarjana Media Sdn Bhd
21	Kisah Nabi Zakaria	Sarjana Media Sdn Bhd
22	Kisah Nabi Yahya	Sarjana Media Sdn Bhd
23	Kisah Nabi Isa	Sarjana Media Sdn Bhd
24	Kisah Nabi Ishak	Sarjana Media Sdn Bhd
25	Kisah Nabi Muhammad	Sarjana Media Sdn Bhd

### **Definisi Konsep dan Operasional**

Mengikut Saville-Troike dalam bukunya “Ethnography of Communication: An Introduction” (1982), Beliau menyatakan mana mungkin seseorang pengkaji mampu mengkaji sesuatu yang beliau tidak fahami dan jika ia terus melaksanakan kajian tersebut tanpa mendapatkan definisi yang sebenar maka sudah pasti kajiannya akan menyeleweng dari yang sepatutnya. Bertolak dari kenyataan ini maka pengkaji telah berusaha mendapatkan konsep definisi dan operasional yang sah dari sumber rujukan yang dibuat berdasarkan kepustakaan.

Melalui definisi konsep dan operasional ini juga akan memberikan takrifan pendidikan, kanak-kanak, tahap buku *Kisah 25 Rasul Untuk Adik-Adik* yang dikaji, perkembangan kognitif dan hubungan sastera dengan karya kanak-kanak.

Selain itu takrifan pendidikan, takrifan kanak-kanak, perkembangan kognitif dan tahap buku juga diperjelaskan dalam bahagian ini untuk memberikan gambaran awal tentang apa yang akan dibincangkan oleh pengkaji dalam bab empat nanti. Melalui definisi yang diberikan ini akan mengelakkan salah faham pembaca tentang apa yang ingin diutarakan oleh pengkaji dalam bahagian analisis.

### **Kanak-kanak**

Kanak-kanak diertikan sebagai seseorang individu yang berada dalam lingkungan bawah umur 18 tahun seperti yang terdapat dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kanak-kanak dari tujuh hingga dua belas tahun. Terdapat berbagai-bagai tentang takrifan kanak-kanak. World Health Organization memberikan anggaran usia antara 10 hingga 20 tahun sebagai remaja. Menurut Haslinda Abdullah dan Ma'rof Redzuan dalam bukunya yang berjudul *Pengantar Psikologi* Edisi ketiga terbitan Universiti Putra Malaysia, kanak-kanak ialah mereka yang berusia dari 2 hingga 11 tahun. Justeru dapat dikatakan usia antara 5 hingga 10 tahun sebagai kanak-kanak. Islam telah menetapkan seseorang dianggap sudah mencapai usia dewasa setelah melalui proses akil baligh. Bagi masyarakat Yahudi pula, usia dewasa adalah setelah mencapai usia 13 tahun (The American Heritage @ Stedman's Medical Dictionary, 2002, Houghton Mifflin Company).

### **Pendidikan Dalam Sastera Kanak-Kanak**

Definisi pendidikan ini amat penting untuk difahami supaya pengkaji dapat mengetahui dengan lebih jelas berkenaan judul yang ingin dikaji. Secara umum, pendidikan ialah acara atau aktiviti yang berkait dengan perkembangan ilmu dan pembentukan, proses kerohanian, kemahiran dan jasmani seseorang individu. Pelbagai takrifan mengenai pendidikan adalah berbeza bagi setiap individu. Menurut (Nijhar, 1984) tokoh-tokoh falsafah seperti Plato pula mendefinisikan pendidikan adalah satu proses untuk membentuk seseorang berperibadi murni. Pendapat ini disokong oleh Socrates yang menyebut pendidikan ialah latihan untuk melahirkan warganegara yang baik.

Menurut (Misran Rokimin, 2006), tokoh kesusasteraan menyifatkan bahawa kesusasteraan mempunyai tidak kurang dari dua fungsi iaitu pertama, memberi pendidikan, kedua nilai estetika. Rata-rata hasil karya sastera sebenarnya tidak dapat dinafikan mengandungi pelbagai unsur pendidikan dan penagajaran. Penulis yang menghasilkan karya sastera merupakan seseorang yang kaya dengan pengalaman. Ini kerana melalui pengalaman yang banyak mereka menghasilkan sesuatu karya. Pengalaman ini seterusnya diterjemahkan melalui penghasilan kisah-kisah yang merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti agama, sosiologi,

politik dan ekonomi. Melalui pengalaman pengarang, karya dihasilkan pengarang menjadikan karya dapat diolah melalui pelbagai ilmu pengetahuan, nilai moral dan didaktik. Melalui pembacaan karya-karya pengarang secara tidak langsung khalayak akan menerima maklumat dan nilai pengajaran dan akan membolehkan pembentukan personaliti dan peribadi berlaku.

Pendidikan merujuk kepada Peraturan-peraturan Kurikulum Kebangsaan Pendidikan 1997 dan Akta Pendidikan Malaysia 1996 merupakan satu gerak kerja aktiviti pendidikan yang melibatkan keseluruhan ilmu pengetahuan, kepercayaan, norma, kebudayaan, nilai, kemahiran, sebagai platform meningkatkan perkembangan individu dari segi rohani, jasmani, emosi dan mental serta untuk membentuk dan memperkasa nilai moral dan untuk menyalurkan ilmu pengetahuan.

Pengertian pendidikan dari segi bahasa ialah bermaksud memperbaiki menyempurnakan dan membina. Dari sudut istilah ianya beerti menjana peranan jasmani, intelektual, persoanaliti melalui latihan, kemahiran dan kebudayaan.

Konsep pendidikan dalam Islam dapat difahami melalui ciri-ciri yang terdapat di dalamnya. Ciri pertama ialah mengenai soal Rabbaniyyah iaitu datangnya dari Allah. Melibatkan dua perkara iaitu mengenai sumber pendidikan dalam Islam yang tertinggi ialah al-Qur'an dan Al-Sunnah dan bukannya bersumberkan manusia. Manusia tidak membina asas pendidikan dalam Islam tetapi berperanan untuk menerima, memahami dan sesuaikan di dalam sistem pendidikan dan kehidupan. Matlamat pendidikan ia beerti memperkasakan hubungan dengan pencipta dan mencari keredhaannya. Dalam Al-Quran, surah al-Inshiqaq Ayat 6 bermaksud Wahai manusia, Sesungguhnya kamu telah bekerja keras untuk menemui Tuhanmu maka kamu akan menemuinya (Misran Rokimin, 2006)

Ciri kedua ialah bersifat berkesan dan sempurna. Tidak mempunyai kekurangan dan kelemahan kerana ianya berpaksikan Qur'an dan Al-Sunnah. Ia meliputi semua aspek berdasarkan kepada tiga prinsip iaitu ketauhidan, menyeluruh dan ibadah (Faisal Tehrani, 2005)

Ketiga ialah seimbang, keseimbangan ialah keseimbangan antara individu, masyarakat dan negara. Ciri keempat ialah kesungguhan iaitu tidak hanya bermain pada teori sahaja tetapi perlu dilaksanakan kerana ia merupakan tanda keimanan individu dan masyarakat. Ciri kelima ialah ianya bersifat menyeluruh dan realistik kerana ianya dapat dilakukan. Pendidikan dalam Islam merupakan perkara yang dapat dilaksanakan dan bukan hanya sekadar pada teori yang diperkatakan namun tidak wujud perlaksanaannya (Faisal Tehrani, 2005).

## Nilai

Nilai dalam konteks pendidikan merupakan sesuatu yang kompleks, berprinsip, memberi arahan dan berpola yang memberikan petunjuk kepada pemikiran dan perilaku manusia (Kluckhohn & Strodtbeck (1961). Nilai boleh menjadi kayu ukur dan pegangan mengenai baik buruk kelakuan yang menjadi kebiasaan dan kelaziman masyarakat (Wan Abdul Kadir, 2000). Nilai dalam konteks pendidikan merupakan pengajaran-pengajaran yang dapat memberi kesan kepada perlakuan dan pemikiran kanak-kanak. Justeru melalui penyaluran nilai yang betul dan bertepatan dengan kehendak agama akan memberi kesan kepada diri kanak-kanak supaya mereka berubah dari segi jasmani dan rohani ke arah insan yang cemerlang.

## Sastera kanak-kanak.

Sastera kanak-kanak menurut (Brown & Tomlinson, 1999), ialah karya sastera yang mempunyai nilai kualiti yang bertujuan untuk disampaikan kepada kanak-kanak. Selain itu, beliau juga mentakrifkan sastera kanak-kanak adalah karya kanak-kanak yang tajuknya berkisar kepada kehidupan kanak-kanak, serta dibina dalam bentuk puisi, prosa dan fiksiyen. Manakala menurut (Glazer, 2000) pula, sastera kanak-kanak adalah bahan bacaan yang dihasilkan untuk bacaan kanak-kanak yang menjadi santapan bacaan kanak-kanak dalam pelbagai bentuk penulisan dengan tujuan menyampaikan maklumat.

Berdasarkan apa yang dibincangkan, dapatlah dirumuskan sastera kanak-kanak adalah karya berkualiti yang menitikberatkan nilai pendidikan, minat, sifat, dan keperluan kanak-kanak. Ini adalah untuk memastikan karya yang dihasilkan sesuai dengan kanak-kanak.

Menurut (Misran Rokimin, 2006), falsafah bagi sastera kanak-kanak ialah menitikberatkan elemen pendidikan dalam perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh serta memastikan kanak-kanak menjalani zaman kanak-kanaknya, dan merintis masa depan dengan sejahtera. Sementara, hala tuju bagi sastera kanak-kanak pula ialah untuk memberikan maklumat. Justeru, untuk memastikan agar bahan bacaan kanak-kanak mengandungi tajuk, isi kandungan yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak tersebut (Misran Rokimin, 2006).




## Tahap Buku

Tahap bahan yang dikaji ini ialah Buku Cerita Tahap 3. Selepas meneliti buku cerita tersebut pengkaji mendapati ciri-ciri yang terkandung dalam buku tersebut sama dengan pandangan (Asselin, 2000). Menurut Asselin (2000) teks bagi pembaca yang telah mula maju dalam pembacaan seharusnya 70 peratus ke 80 peratus daripada kandungan teks boleh didekod oleh kanak-kanak dan teks sepatutnya menggunakan gaya bahasa yang standard tetapi yang boleh difahami oleh kanak-kanak. Hart-Hewins & Wells (1990) menyatakan bagi pembaca maju (Fluent Reader), teks yang digunakan lebih panjang berbanding teks untuk pembaca baru dan pembaca awal, dan saiz cetakan tidak perlu besar. Cerita pula lebih panjang dan boleh dibahagi-bahagikan kepada beberapa perenggan dan gambar masih diperlukan bagi setiap mukasurat bagi menyokong teks. Panjang buku boleh dibahagikan kepada beberapa bab, plot lebih kompleks dan boleh mempunyai lebih ramai watak (Rog & Burton, 2002).

### Rangka Konseptual

Gambar rajah 1



Pengkaji menggunakan pendekatan gagasan pemikiran pendidikan Kanak-kanak Dalam Islam oleh Abdullah Nashih Ulwan. Pengkaji memilih pendekatan ini kerana *Kisah 25 Rasul Untuk Adik-Adik* merupakan dokumen yang berkait rapat dengan ajaran agama. Maka sudah pasti pendekatan yang digunakan memerlukan kerangka yang berpaksikan Islam. Melalui pendekatan ini, pendidikan kanak-kanak akan dianalisis berpaksikan pendekatan yang berlandaskan Al-quran dan Al-Sunnah. Justeru pendekatan ini amat sesuai digunakan untuk meneliti karya kanak-kanak islam terutamanya dari aspek dalaman karya.

### **Kesimpulan**

Daripada keseluruhan pembicaraan dalam bab 1, pengkaji mendapati bahagian pengenalan dalam sesuatu kajian ilmiah ini perlu diperjelaskan secara terperinci bagi memberi penjelasan tentang keseluruhan rangka kajian yang akan dilakukan. Dengan penjelasan ini, secara tidak langsung dapat memberi maklumat awal kepada pembaca tentang skop kajian yang dilakukan.

Bahagian seterusnya, ialah pengkaji akan melakukan sorotan kajian bagi tujuan mendapatkan maklumat dan agar kajian yang sama tidak akan berulang.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Nasih Ulwan, Pendidikan Kanak-kanak Dalam Islam, Darus Salam Li'th-Thiba'ahwa'n-Nasyr wa't-Tauzi, Kaherah, 1981.
- Al Quran dan Terjemahannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman. Sdn. Bhd. 2007.
- Ahmad Kamal Abdullah et.al 1990. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar ( 1978 ) *Kamus Dewan Edisi ke 5* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Bee Mohd Noor, 2000. Psikologi Perkembangan. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmawati Desa, 2004. Psikologi Untuk Golongan Professional. Kuala Lumpur: McGraw-Hill
- Abd. Aziz Abd. Talib, 2000. *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Ishak (1995). Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Abu Abd. Allah Malik bin Anas bin Malik bin Abi Amir bin Amru bin al-Harith (1951). *Muwatta' al-Imam Malik wa Syarhuhu Tanwir al-Hawalik*. Kaherah: Mustafi al Babi al-Halabi.
- Ahmad Zahid Hamidi, (tt). *Gelombang Globalisasi: Menggarap Keampuhan Ummah di Malaysia*. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari Malaysia.
- Al-Imam Ahmad bin Hanbal, (1991). *Al-Musnad*. Juzuk 3. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Azmi Aziz and Shamsul A.B., (2004). *The Religious, The Plural, The Secular and The Modern: A Brief Critical Survey on Islam in Malaysia*. *Inter-Asia Cultural Studies*, 5(3). Ghazali Basri, (1991). Pendidikan Islam Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan: Satu Analisis. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 4, Disember.
- Atan Long. (1984). Pembentukan pemikiran kanak-kanak melalui pembacaan. *Dlm. Othman Puteh & Abdul Ahmad (pngr.)*, *Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Had Salleh. (1984). Prinsip-prinsip penulisan yang baik untuk buku kanakkanak:Tema, struktur dan Bahasa. Dlm. Othman Puteh & Abdul Ahmad (pngr.),Sekitar sastra kanak-kanak dan remaja. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizah Hamdan, & Md Sidin Ahmad Ishak. (2004). Children's book publishing in Malaysia. Dlm. Proceedings of Seminar-cum-Workshop on Children's Book Publishing in the Next Millennium. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Brabham, E. G., & Murray, B. A. (2006). Reading alphabet book in kindergarten: Effect of instructional emphasis and media practice. *Journal of Research in Childhood Education*, 20(3), 219 -229.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2004). *Laporan Pencapaian Pelaksanaan Program NILAM 2004*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Teknologi Pendidikan. (1997). *Membina Tabiat Membaca*. Kuala Lumpur: BTP.

Program intervensi bantu murid Tahun Satu kuasai 3M. (2005, Disember 20) *Berita Harian* .8.100 000 murid gagal kuasai 3M. (2006, Julai 20) *Berita Harian* .22.

Chef Fong Peng. "Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-Kanak: Isu dan Masalah. Dimuat turun pada 28 Januari 2010. diakses daripada <http://www.google.com>

Dr Khalid Muhammad Muharram, *Bina' al-Shakhsiyyah min Khilal al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*.

Faisal Tehrani. "Sastera Kanak-Kanak: Pendekatan Islam". Dewan Sastera. November 2006.

Faridah Shamsuddin. (2003). Masalah penerbitan buku kanak-kanak. Kertas kerja Seminar Terbitan Sastera Kanak-Kanak, 22-23 Oktober. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fawzi cIsa. (2008). *Adab al-Atfal*. Iskandariah: Dar al-Macrifah al-Jamiciyyah

Fisher, R. (2001). Analysing the role of the teacher in early reading: A lesson for researchers. *Teachers and Teaching Theory and Practice*, 7(3), 297-313.

Gordon, J., & Zemke, R. (2000). The attack of ISD. *Training Magazine*, 3 7(4), 42-53.

- Gregory, L. P., & Morrison, T. G. (1998). Lap reading for young at-risk children: Introducing families to books. *Early Childhood Education*, 26(2), 67-77.
- Guthrie, J. T., & Wingfield, A. (1999). How motivation fits into a science of reading. *Scientific Studies of Reading*, 3(3), 199-205.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, N., Larson, J., & Marsh, J. (2003). *Handbook of early childhood literacy*. London: Sage.
- Harlin. R., Murray, R., & Shea, M. (2007). Broadening teachers' views of diversity through multicultural book discussions. *Early Childhood Education*, 83(5), 299-303.
- Hart, P. M. (2004/05). Creating learning environments that invite all students to Learn through multicultural literature and information technology. *Early Childhood Education*, 81(2), 87-92.
- International Reading Association & National Association for Education of Young Children. (1998). *Overview of Learning to Read and Write: Developmentally Appropriate Practices for Young Children*. Dimuat turun pada 12 Disember, 2007, daripada <http://www.naeyc.org/about/positions/PSREADO.asp>
- Izzah Abdul Aziz. (2000). Kesusasteraan kanak-kanak dan remaja di Malaysia: Suatu kenyataan atau impian? Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja. 7-8 November. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izzah Abdul Aziz, & Sandra Pragas Waran. (2001). *Buku bergambar: Langkah pertama ke alam fantasi dan realiti*. Kertas kerja. Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja 2001. 26-27 April. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah Ibrahim. 1982. *Menulis untuk Berkomunikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors SDN BHD.
- Mahzan Arshad. (2006). *Kajian tentang Bahan Sastera Kanak-kanak di Malaysia*. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak 28 November. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Misran Rokimin. (2001). *Sastera kanak-kanak dan remaja sebagai agen pembangunan*. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja. 26-27 April. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Sharif Mohd. Saad, & Hajah Alimah Salam. (2001). *Pengisian dan Pengukuhan sastera kanak-kanak dan remaja pada alaf baru: Peranan dan*

Cabaran perpustakaan. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja. 26-27April. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Morrow, L. M. (2005). Literacy development in the early years: Helping children
- Nijhar, M. S. (1984). Apakah sastera kanak-kanak -khasnya buku bergambar. Dlm.Othman Puteh & Abdul Ahmad (pngr.), Sekitar sastera kanak kanak dan remaja. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2000). Sastera Kanak-kanak dan Remaja dalam Konteks Pendidikan Era Globalisasi. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja, 7-8 November. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rio Sumarni Shariffudin, Abdul Hafidz Haji Omar, & Dayang Hajjah Tiawa Awang Haji Hamid. (2007). Reka Bentuk dan Keberkesanan Perisian Multimedia Membaca-faham Berasaskan Gambaran Visual bagi Kanak-kanak Prasekolah. Dimuat turun pada 16 Disember, 2007, daripada <http://eprints.utm.my/2344/1>
- Sulaiman Masri. (1984). Penulisan bahan bacaan kanak-kanak. Dlm. Othman Puteh & Abdul Ahmad (pngr.), Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Isahak Haron, et. al. 1988. *Asas Dalam Amalan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ismail Abdullah. "Tujuan Sembahyang Kepada Amat Islam". Berita Harian. 23. September.2003: 9.
- Jan V. L, Mieke B., Willem G. Weststeijn. 1984. *Pengantar Ilmu Sastra*. Terj. Dick Hartoko. Jakarta: Penerbit PT Gramedia. Jasmin, 2006.
- AYAH DAN IBU. Diperoleh daripada [http://www.mindcat.com/misc/july\\_ibuayah.pdf](http://www.mindcat.com/misc/july_ibuayah.pdf) , 2010.
- Keluarga Islam: Kemahiran Keibubapaan dan Cabran Semasa, Suntingan Azrina Sobian, IKIM, hlmn. 53.
- Kamarudin Hj. Husin, 1988. *Pedagogi Bahasa*. Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Haji Hussin, 1996. Sekolah dan perkembangan Kanak-kanak. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Kamarudin Hj Husin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2004. *Pedagogi Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur : Kayazano Enterprise.

Li Chuan Siu 1966. *Ikhtisar sejarah Kesusasteraan Melayu baru 1830-1945*.  
Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

\_\_\_\_\_ 1967. *Iktisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden  
1945-1965*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Malik Bin Nabi, *Mushkilat al-Hadarah Shurut al-Nahdah*, Dimashq, 2000.

Mustafa as Sibaei, *As Sirah an-Nabawiyah*.

Md Khairul, 2008. *Perkembangan Kognitif Kanak-kanak Buta*. Diambil daripada  
[http://www.moe.gov.my/jpkhas/forums/index.php?action=vthread&forum=4&to\\_pic=28](http://www.moe.gov.my/jpkhas/forums/index.php?action=vthread&forum=4&to_pic=28) pada Ogos 27, 2010.

Mohd Saleh Lebar, 1999. *Asas psikologi perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan  
Publications & Distributors Sdn.Bhd

.Mohd Azhar Abd. Hamid, 2007. *Meningkatkan daya fikir*. Skudai, Johor: PTS  
PROFESSIONAL Publishing Sdn. Bhd.

Nor'aini Tahir, Roszikin Zakaria & Zainab Zakaria, 2007. *Perkembangan  
Kognitif dan pembelajaran kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Meteor  
Doc. Sdn. Bhd.

Marwan Ibrahim al-Kaysi, (1997). *Adab Sopan dan Budi Pekerti Dalam Islam*.

(Terj.) Hussin Salamon dan Mohd. Nasir Ripin. Skudai: Penerbit

Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Kamal Hasan, (1987). *Peranan Akhlak Dalam Pendidikan*. Jurnal  
Pendidikan Islam. 8(3).

Nadira Anis Sharina Hamidi, Nur Fatihah Azam & Nurhazwani Hamzah, 2009.  
*Pandangan Tokoh-tokoh Pengasas Pendidikan Awal Kanak-kanak Dari  
Timur*. Diambil daripada  
[http://www.scribd.com/doc/14705430/tokohtokoh-timur-  
dalam-pendidikan-prasekolah-pada-Ogos-12-2009](http://www.scribd.com/doc/14705430/tokohtokoh-timur-dalam-pendidikan-prasekolah-pada-Ogos-12-2009).

Nor'aini Tahir, Roszikin Zakaria & Zainab Zakaria, 2007. *Perkembangan  
Kognitif dan pembelajaran kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Meteor Doc. Sdn.  
Bhd.

Perati, 2007. *Rangsangan Awal untuk Anak*. Diambil daripada  
<http://www.ehoza.com/v4/forum/info-pengetahuan-am/2707-rangsangan->

awal- untuk-anak.html pada Ogos 28, 2009.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), K. P. M. (2003). Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka  
Ramlah Jantan & Mahani Razali, 2004. Psikologi Pendidikan: Pendekatan kontemporari. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris

Othman Puteh, Abdul Ahmad. 1984. *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Ramli. 2011. Kisah 25 Rasul Untuk Adik-Adik. Kuala Lumpur: Sarjana Media Sdn Bhd

*Panduan menulis tesis* gaya UKM. 2007. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, UKM.

Sharifah Alwiyah Alsagoff, 1992. Psikologi pendidikan 1 konsep asas psikologi, psikologi pendidikan dan Psikologi perkembangan. Subang jaya: Longman.

Perpustakaan Negara Malaysia (2006), Profil Membaca Rakyat Malaysia 2005. Kuala Lumpur: PNM.

Siti Farah Idayu Madi, 2009. Perkembangan kanak-kanak. Diperoleh daripada <http://www.scribd.com/doc/14682336/> pada Sept 14,2009.

Raman Selden. 1989. *Teori Kesusasteraan Sezaman*. Terj. Umur Junus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosnani Hashim, (2001). Kurikulum Pendidikan Daripada Perspektif Islam Dalam Konteks Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, November, 9(4).